

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

27 MEI 2021
KHAMIS



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S


KOSMO

DIKOMPAUN RM45,000 KEMARUK SAMBUT RAYA

2



KOSMO



SEBAHAGIAN individu yang ditahan kerana berkumpul dan melanggar SOP PKP di Johor Bahru kelmarin.

Dikompaun RM45,000 kemaruk sambut raya

JOHOR BAHRU – Seramai 30 individu termasuk remaja sanggup menyewa tiga unit pangapuri di bandar raya ini untuk berkumpul bagi meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Tindakan itu bagaimanapun memakai diri apabila premis tersebut diserbu malam kelmarin menyebabkan kesemua mereka dikompaun dengan jumlah keseluruhan RM45,000.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Mohd. Padzli Mohd. Zain berkata, serbuan pada pukul 12.15 tengah malam itu melibatkan dua unit pangapuri di Jalan Tanjung Puteri dan satu lagi di Persiaran Jaya Putra, Taman Jaya Putra di sini.

Mereka dipercayai menyewa unit tersebut selama beberapa hari untuk berkumpul sempe-

na hari raya.

“Mereka terdiri daripada 19 jelaki dan 11 wanita berusia 16 hingga 29 tahun.

“Ketika serbuan dilakukan, mereka berkumpul di ruang tamu tanpa penjarakan fizikal serta tidak memakai pelitup muka,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, tindakan kompaun itu dibuat mengikut Perkara 16 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan, Jangkitan) (Kawalan Pergerakan) (No. 2) 2021.

Beliau mengingatkan golongan muda agar menghentikan aktiviti berkumpul supaya dapat bersama-sama memutuskan rantai jangkitan Covid-19.

